



PERUTUSAN DATUK BANDAR

MESYUARAT MAJLIS BIL. 10/2024

29 OKTOBER 2024 (26 RABI'UL AKHIR 1446H)

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Malaysia MADANI dan Salam Petaling Jaya Bandar Paling Bahagia.

1. Alhamdulillah, saya menzahirkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT, kerana dengan izin dan rahmat-Nya, kita dapat bersama-sama dalam Mesyuarat Majlis pada hari ini.

Saya mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada Timbalan Datuk Bandar, Ahli-ahli Majlis, Ketua-ketua Jabatan, pegawai-pegawai dan seluruh warga kerja MBPJ serta masyarakat Petaling Jaya di atas sokongan, sumbangan idea, pendapat dan penyertaan dalam semua aktiviti program yang dianjurkan Majlis.

2. KONVENSYEN PBT 2024 - SINERGI MADANI PERKUKUH PBT

Alhamdulillah dan syabas di ucapkan kepada Majlis Bandaraya Petaling Jaya di atas pencapaian Naib Johan bagi Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) 2024 kategori bandaraya sekaligus mengekalkan taraf 5 Bintang di kalangan 155 PBT di Malaysia serta menerima insentif kewangan berjumlah RM 500,000.00 dalam bentuk geran melaksanakan projek.

Penilaian SPB-PBT adalah berdasarkan 253 indikator yang meliputi empat (4) kriteria utama dan 18 sub-kriteria yang mencerminkan fokus Kerajaan ke arah memperkasakan perkhidmatan dan tadbir urus PBT iaitu **Pengurusan, Perkhidmatan-Perkhidmatan Teras, Pengurusan Pelanggan dan Penyertaan Komuniti dan Pandangan Penduduk.**

Pemetaan indikator-indikator tersebut dengan Bidang Keutamaan Rancangan Malaysia ke-12, telah dilaksanakan agar strategi penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan di peringkat kerajaan tempatan turut mengambil kira pembangunan kapasiti dan keupayaan PBT serta pemantauan sistem tadbir urus PBT.

Anugerah ini telah disampaikan oleh YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada Majlis Konvensyen Pihak Berkuasa Tempatan 2024 yang berlangsung pada 26 hingga 27 Oktober 2024, anjuran Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)

melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) dengan kerjasama Kerajaan Negeri Selangor dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Ia merupakan platform bagi penyampaian aspirasi Kerajaan Persekutuan dan medium wacana perkongsian ilmu serta amalan terbaik (best practices) berkaitan penyelesaian isu-isu perbandaran dan perkongsian pengalaman dalam mengukuhkan peranan dan tanggungjawab PBT dalam pembangunan masa kini.

Bertemakan **Sinergi MADANI, Perkukuh PBT**, konvensyen ini mendukung kerjasama strategik dan integrasi di antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan PBT, selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI yang memfokuskan pembangunan bandar mampan, berdaya huni dan berdaya tahan.

Konvensyen kali keempat ini telah berjaya menghimpunkan seramai 2,000 orang peserta yang terdiri daripada pihak pengurusan Kementerian/Jabatan peringkat persekutuan, Setiausaha Kerajaan Negeri, wakil Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Datuk Bandar, Yang Dipertua, Presiden, Pengerusi, Pengurus Besar, Setiausaha, Pegawai Kanan dan Ahli Majlis PBT, wakil industri, pemegang taruh dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).

Penganjuran Konvensyen PBT 2024 diharap dapat melonjak nilai tambah kepada semua warga pengurusan PBT seperti mewujudkan rangkaian hubungan (networking) dan Sinergi MADANI di peringkat tempatan dan antarabangsa atas dasar kesepakatan untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan yang efisien dan berkualiti kepada rakyat.

3. MBPJ RANGKUL ANUGERAH BANDAR PALING MAMPAN DAN BANDAR PALING BAHAGIA

Pada setiap tahun Hari Perancangan Bandar Sedunia akan disambut dengan pelbagai tema untuk meraikan dan menghargai peranan perancang bandar dalam perancangan dan pembangunan khususnya ke arah mewujudkan persekitaran kehidupan yang berkualiti dan pembentukan masyarakat yang sejahtera.

Pada 20 Oktober 2024 yang lalu, DYMM Sultan Selangor berkenan menyampaikan 2 anugerah kepada MBPJ iaitu **Penghargaan Bandar Paling Mampan** kategori Bandaraya dan menerima sijil penghargaan, plak dan insentif kewangan RM10,000.00 dan anugerah yang kedua iaitu **Bandar Paling Bahagia** yang menerima sijil penghargaan, plak dan insentif kewangan sejumlah RM 5,000.00.

Penghargaan ini merupakan inisiatif daripada Kerajaan Negeri Selangor bagi menghargai komitmen dan kesungguhan semua PBT di Selangor dalam usaha mencapai kemampunan dalam melaksanakan inisiatif

Matlamat Pembangunan Mampan (SDG). Pelaksanaan Pengukuran Bandar Mampan (MURNInets) dilaksana berdasarkan 51 indikator bagi menggambarkan tahap kemampanan sesebuah bandar. Bagi tahun 2024, semua PBT negeri Selangor mencapai tahap mampan iaitu melebihi 80 peratus (%).

Bagi penghargaan Bandar Paling Bahagia pula, tiga PBT di Selangor iaitu **Majlis Bandaraya Petaling Jaya**, Majlis Bandaraya Diraja Klang dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya telah dipilih berdasarkan kajian indeks kebahagiaan yang dilaksanakan melalui kajiselidik oleh PBT bagi mengukur tahap kesejahteraan penduduk dengan lebih menyeluruh merangkumi tahap kesihatan mental dan fizikal melalui penunjuk KT3-P5 di dalam pelaksanaan MURNInets.

4. MBPJ TERIMA ANUGERAH MALAYSIA URBAN PLANNING AWARDS 2024 (MUPA 2024) SEMPENA MAJLIS SAMBUTAN HARI PERANCANG BANDAR SEDUNIA (HPBS) TAHUN 2024

Majlis Bandaraya Petaling Jaya berjaya merangkul 3 anugerah sempena Anugerah Malaysia Urban Planning Award (MUPA 2024) iaitu **Anugerah Bandar Paling Mampan 2024** (insentif kewangan RM 4000.00) **Anugerah Persekitaran Mesra Kanak-Kanak Terbaik 2024** (insentif kewangan RM 5000.00) dan **Anugerah Khas Amalan Perancangan Terbaik YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan 2024** (insentif kewangan RM 10,000.00) sempena sambutan Hari

Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) 2024 Peringkat Kebangsaan.

MUPA merupakan platform pengiktirafan dan penghargaan kepada semua pihak termasuk pihak Kerajaan, swasta, badan bukan kerajaan (NGO), pemimpin tempatan dan komuniti setempat dalam membangunkan persekitaran sama ada di peringkat kejurangan mahupun perbandaran yang lebih berdaya huni dan inklusif di masa hadapan.

Kategori Anugerah Khas Amalan Perancangan Terbaik YB Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan 2024 merupakan anugerah yang julung kali diperkenalkan yang memberi pengiktirafan kepada organisasi awam atau swasta yang telah melaksanakan garis panduan perancangan atau panduan inisiatif perancangan yang disediakan oleh PLANMalaysia.

Selaras dengan penarafan MBPJ sebagai bandar mesra kanak-kanak pertama di Malaysia oleh UNICEF, saya melihat anugerah ini merupakan pengiktirafan daripada Kerajaan Malaysia yang memperakui kejayaan MBPJ sebagai bandar peneraju dan bandar rujukan bagi inisiatif bandar mesra kanak-kanak di Malaysia. Pelaksanaan inisiatif bandar mesra kanak-kanak Petaling Jaya adalah berteraskan kepada aspek perancangan bandar, penyertaan kanak-kanak, perubahan iklim serta pembangunan kapasiti dan kebajikan kanak-kanak.

HPBS 2024 bertemakan Sedaya Upaya Membina Bandar Mampan dan Pintar #DemiPertiwi, adalah menyokong ke arah Bandar Pintar dengan pelaksanaan dan impak teknologi kepada kesejahteraan masyarakat. Ianya merupakan anjuran bersama di antara Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia), Pertubuhan Perancang Malaysia (MIP), Unit Penyelarasan Lonjakan Pretasi (PACU), Jabatan Perdana Menteri (JPM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Perbadanan Putrajaya (PPJ) dan Lembaga Perancang Bandar Malaysia (LPBM).

5. MBPJ JOHAN KEMPEN CEGAH DENGGI PADA MAJLIS SAMBUTAN HARI KESIHATAN PERSEKITARAN SEDUNIA PERINGKAT KPKT 2024

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menganjurkan Majlis Sambutan Hari Kesihatan Persekitaran Sedunia 2024 pada 8 Oktober 2024 bertempat di Bangi Avenue Convention Centre. KPKT telah memberi pengiktirafan kepada Pihak Berkuasa Tempatan yang cemerlang dalam Pelaksanaan Kempen Kesihatan Persekitaran KPKT. Kempen Kesihatan Persekitaran KPKT ini melibatkan tujuh sub program utama Kesihatan Persekitaran iaitu :

- a) Kempen Cegah Wabak Denggi,
- b) Kempen Membasmi *Hotspot* Denggi,
- c) Kempen Membasmi Infestasi Tikus,
- d) Kempen Premis Makanan Bersih,
- e) Kempen Pasar Awam Bersih,
- f) Kempen Tandas Awam PBT Bersih “BMW”,
- g) Kempen Pengurusan Haiwan Terbiar.

MBPJ turut mengambil bahagian dalam Kempen Cegah Wabak Denggi 2024 dan Flat Impian Baiduri Sek 51A, Petaling Jaya telah di pilih sebagai lokasi yang dipertandingkan. MBPJ telah mendapat tempat pertama dalam kategori Kempen Cegah Denggi. KPKT turut menyalurkan peruntukan sebanyak RM15,000.00 kepada Majlis bertujuan untuk melaksanakan kempen tersebut. Kempen tersebut berjalan selama 4 bulan bermula April sehingga Julai 2024.

Dengan menggunakan peruntukan yang diberikan, Majlis telah menganjurkan 2 siri aktiviti gotong royong di Flat Impian Baiduri iaitu pada 9 Jun 2024 sempena Hari Denggi Asean (menggunakan peruntukan daripada Kerajaan Negeri Selangor melalui Ahli Majlis) dan pada 27 Julai 2024 dengan menggunakan peruntukan dari KPKT.

Antara pengisian yang dijalankan dalam program gotong royong adalah aktiviti pencarian tempat pembiakan jentik-jentik oleh penduduk dan ditukarkan kepada imbuhan berbentuk token serta dijalankan juga aktiviti pertandingan blok terbersih. Selain itu, penambahbaikan prasarana yang sedia ada seperti penambahan 2 buah tong *leach bin* telah dibekalkan di kebuk sampah flat tersebut.

Dengan menggunakan peruntukan yang disalurkan oleh KPKT, Majlis telah mencuba sistem baru iaitu "*Mistaway*" sebagai kaedah alternatif untuk kawalan denggi di Flat Impian Baiduri. Ini merupakan *pilot project* oleh Majlis dan berpotensi diperluaskan penggunaannya sekiranya didapati terdapat penurunan bilangan kes denggi di kawasan Flat Impian Baiduri ini.

6. PERSIDANGAN PEROLEHAN HIJAU KERAJAAN (GGP) SEMPENA PAMERAN INTERNATIONAL GREENTECH AND ECO PRODUCTS EXHIBITION CONFERENCE MALAYSIA (IGEM 2024)

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah dipilih untuk melaksanakan projek rintis Perolehan Hijau Kerajaan (GGP) di bawah projek rintis *Scaling SCP-GIZ* (Perluasan GGP kepada Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan) bersama-sama dengan 4 pelaksana yang lain iaitu Kerajaan Negeri Sarawak, Kerajaan Negeri Melaka, Kerajaan Negeri Johor dan Majlis Bandaraya Ipoh.

Pemilihan MBPJ sebagai salah satu daripada 5 pelaksana projek rintis Perolehan Hijau Kerajaan (GGP) ini menunjukkan bahawa komitmen Majlis dalam menyokong usaha Kerajaan telah dikenal pasti selaras dengan **SDG 12: *Responsible Consumption And Production, - to promote public procurement that are sustainable, in accordance with national policies and priorities.***

Berdasarkan komitmen yang ditunjukkan MBPJ dalam melaksanakan Perolehan Hijau Kerajaan (GGP), *Malaysia Green Technology and Climate Change Corporation* (MGTC) yang merupakan agensi di bawah Kementerian Sumber Asli Dan Kelestarian Alam turut menjemput Majlis untuk menjadi ahli panel dalam sesi dialog semasa persidangan ini.

Sesi dialog ini mengenai perkongsian berkaitan pelaksanaan Perolehan Hijau Kerajaan dan disertai oleh Datuk Bandar bersama dengan panel-panel dari Kementerian Pelajaran Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, Kerajaan Negeri Sarawak dan Majlis Bandaraya Ipoh untuk berkongsi mengenai manfaat utama yang menjadi nilai tambah dalam pelaksanaan GGP, cabaran-cabaran utama dan langkah-langkah untuk memperkukuhkan lagi pelaksanaan GGP dalam perluasan kepada Institut Pengajian Tinggi (IPT), Government-Linked Companies (GLC) dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

7. FESTIVAL INOVASI PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR (FIS'24)

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menghadiri Majlis Apresiasi Inovasi Negeri Selangor 2024 bertempat di Dewan Jubli Perak Sultan Abdul Aziz. Pada Majlis tersebut, telah di sampaikan Anugerah kepada Pemenang **Anugerah Inovasi Negeri Selangor melibatkan Kategori Swasta, IPT, Sekolah, Akar Umbi dan Sektor Awam**. Selain itu, terdapat juga penyampaian Anugerah Inovasi lain yang turut disampaikan seperti Sijil Penyertaan Program Jawatankuasa Tetap Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) dan Pemenang bagi Geran Teknologi dan Inovasi Digital Selangor (GTIDS) tahun 2024.

Majlis merakamkan ucapan tahniah kepada kumpulan Trailblazers daripada Jabatan Kejuruteraan telah merangkul **3 Anugerah iaitu Johan bagi Trek Infrastruktur dan Anugerah Khas Produk Inovasi Terbaik dari 'Silver Award' bagi Penilaian Lawatan Tapak Anugerah Inovasi Negeri Selangor - Sektor Awam (AINS-SA)**. Anugerah-anugerah tersebut telah disampaikan oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor pada Majlis Apresiasi Inovasi Agensi Selangor 2024.

Selain itu, Festival Inovasi Negeri Selangor (FIS) 2024 juga diadakan serentak yang mengetengahkan semua Johan bagi setiap kategori untuk membuat pembentangan dan perkongsian berkaitan produk inovasi masing-masing. Kumpulan Trailblazers membuat pembentangan

berkenaan produk Ronda PJ iaitu alat mengesan lubang jalan menggunakan Artificial Intelligence (AI).

Selain itu, antara jemputan khas yang dijemput untuk membuat pembentangan berkaitan inovasi dan digital adalah SSDU Innovations Sdn Bhd, Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) dan Selangor Aviation & Technology Innovation (SELATI).

8. WE LOVE PETALING JAYA CITY

Petaling Jaya sedang menyertai Kempen *We Love Cities* yang dianjurkan oleh World Wildlife Foundation (WWF) pada setiap 2 tahun yang merupakan satu kempen untuk menggalakkan penglibatan orang awam dalam menunjukkan sokongan terhadap pembangunan mampan dan memberi peluang kepada orang awam untuk meraikan, mengundi dan menambahbaik bandar mereka melalui cadangan dan inisiatif yang menyokong ke arah kemampan bandar.

Petaling Jaya turut bersaing dengan 28 buah negara dan 3 bandar lain mewakili Malaysia iaitu Seberang Perai, Pulau Pinang dan Iskandar Puteri, Johor yang juga berusaha untuk memperbaiki inisiatif kelestarian dan menonjolkan usaha mereka dalam mengurangkan jejak karbon, meningkatkan tenaga boleh diperbaharui, serta menggalakkan kesedaran alam sekitar di kalangan komuniti

Petaling Jaya telah mula menyertai Kempen We Love Cities sejak tahun 2014 dan akan terus konsisten menyokong kempen ini yang sedang berlangsung sejak 1 Oktober hingga 31 Oktober 2024.

Sehubungan dengan itu, saya ingin menyeru agar seluruh penduduk Petaling Jaya serta seluruh warga kerja MBPJ untuk terus memberi sokongan kepada bandar raya yang kita cintai ini dengan membuat undian pada setiap hari di laman web welovecity serta membuat perkongsian di media sosial seperti Facebook, Instagram, Tiktok dan X dan sentiasa meletakkan tanda pagar **#WeLovePetalingJaya** **#WeLoveCities** di setiap kandungan sosial media anda semua sepanjang tempoh kempen ini berlangsung.

9. SIAP SIAGA HADAPI BENCANA

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah melaksanakan persiapan serta meningkatkan tahap siap siaga bencana bagi menghadapi musim peralihan Monsun di kawasan Petaling Jaya. Di antara persediaan merangkumi elemen seperti berikut:

- a) Mengaktifkan Bilik Gerakan Bencana MBPJ.
- b) Pemantauan di lokasi—lokasi *hotspot* melalui CCTV.
- c) Kesiapsiagaan aset dan logistik merangkumi 46 kenderaan kecil, jentera berat serta dua bot.
- d) Menyediakan sejumlah 24 dewan Majlis yang diwartakan sebagai

Pusat Pemindahan Sementara (PPS).

- e) Kesiapsiagaan 32 pegawai dan anggota Skwad PANTAS bagi menghadapi situasi bencana.

Langkah-langkah awal telah dilaksanakan dengan memberi keutamaan kepada kerja-kerja pembersihan dan penyelenggaraan di lokasi - lokasi *hotspot* giat dijalankan. Kerja-kerja ini merangkumi pembersihan dan penyelenggaraan longkang, pembersihan *scupper drain*, *desilting* longkang dan saluran serta kerja-kerja lain yang berkaitan.

Sehubungan dengan itu, segala aduan dan pertanyaan boleh disalurkan ke Bilik Gerakan Bencana MBPJ di talian 03- 79574113, *Hotline* MBPJ di talian 03 – 79542020 atau mana-mana saluran aduan rasmi.

10. PENGUATKUASAAN TINDAKAN KOMPAUN DAN PENDAKWAAN BAGI KESALAHAN-KESALAHAN DI BAWAH SEKSYEN-SEKSYEN 74,75,76, 78, 82(5), DAN 109 AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976 [AKTA 171] .

Majlis Bandaraya Petaling Jaya kerap menerima aduan orang awam berhubung isu seperti berikut:

- a) Kacau ganggu disebabkan oleh pemeliharaan anjing, kucing, ayam dan lain-lain haiwan.
- b) Pemberian makanan kepada burung merpati, anjing liar, monyet dan lain –lain haiwan yang menyebabkan kekotoran dan kacau ganggu.
- c) Pemilik rumah atau tanah kosong yang membiarkan premis mereka bersemak atau mengumpulkan barang lusuh.
- d) Pemilik rumah membenarkan terlalu ramai orang menghuni di dalam sesuatu premis sehingga menyebabkan kesesakan.
- e) Kegagalan mengambil tindakan kawalan tikus.
- f) Membiarkan premis rumah atau bangunan dalam keadaan kotor.

Berdasarkan ini, Majlis akan mengenakan tindakan penguatkuasaan kompaun dan pendakwaan bagi kesalahan-kesalahan di bawah 74, 75, 76, 78, 82(5) dan 109 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*] menerusi kuasa yang diberikan di bawah Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan –Kesalahan) (Majlis Perbandaran Petaling Jaya) Kerajaan Tempatan 2005.

Langkah ini bagi membolehkan Majlis mengambil tindakan penguatkuasaan segera bagi kesalahan –kesalahan yang dilakukan dibawah Akta 171 bertujuan memberi kesedaran kepada pesalah dengan kadar kompaun diantara RM 500.00 hingga RM 1000.00 mengikut

peruntukan Akta tersebut. Manakala untuk kesalahan berterusan tindakan kompaun dan pendakwaan akan dimulakan.

11. OPERASI TEMBAK GAGAK TAHUN 2024

MBPJ telah melaksanakan Operasi Tembak Gagak 2024 pada 28 September 2024. Operasi ini dijalankan di 26 lokasi *hotspot* yang diluluskan oleh PDRM dengan disertai seramai 23 orang penembak serta dibantu oleh 50 orang kakitangan bagi mengawal selia kawasan serta perjalanan operasi sepanjang hari.

Tujuan operasi dijalankan adalah bagi mengurangkan populasi gagak di kawasan pentadbiran Majlis dan operasi ini merupakan salah satu cara mengurangkan populasi gagak dengan efektif.

Majlis turut mengguna pakai dua kaedah yang lain iaitu pemusnahan sarang gagak yang dilakukan secara berjadual sekurang-kurangnya 2 kali setiap bulan dan pemasangan perangkap gagak di lokasi aduan dan hotspot. Bilangan gagak yang ditembak melalui operasi tiga tahun yang lepas adalah seperti berikut :

BIL	TAHUN	JUMLAH GAGAK DITEMBAK (EKOR)	BAYARAN/EKOR	JUMLAH BAYARAN (RM)
1.	2021	1,319	RM 6.00	RM 7,914.00
2.	2022	941	RM 6.00	RM 5,646.00
3.	2023	2,090	RM 6.00	RM 12,540.00
4.	2024	1,546	RM 6.00	RM 9,276.00

Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua warga kerja MBPJ dan Ahli Majlis di atas komitmen yang jitu yang diberikan sepanjang penganjuran Konvensyen PBT 2024 berlangsung. Semangat kerjasama berpasukan yang ditunjukkan ini amat saya hargai. Saya juga berharap agar semangat kerja satu pasukan ini dapat dikekalkan sepanjang masa bersama-sama sinergi dalam apa jua situasi demi Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Deepavali kepada rakan-rakan kita yang menyambut perayaan ini. Semoga perayaan festival cahaya ini akan memberi kegembiraan kepada kita semua dan memekarkan lagi perpaduan dan keharmonian sesama kita.

Hari Deepavali disambut meriah,

Disambut dengan perasaan gembira,

Berseri dengan pakaian yang indah,

Raikan perayaan dengan keluarga tercinta.

Sekian, terima kasih.